

14.7.2020

## KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **KONGSI AIR ANTARA NEGERI: PENYELESAIAN INI BOLEH DIGUNAKAN UNTUK SPRWTS**

- **Pulau Pinang menunggu sejak tahun 2011 bagi Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) bagi Pulau Pinang dan Perak.**

PULAU PINANG, Selasa, 14.7.2020: “Perkongasian air” antara negeri-negeri Malaysia mungkin bermula dengan Kerajaan Persekutuan melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) bagi Pulau Pinang dan Perak.

Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menyokong sepenuhnya rancangan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk negeri-negeri yang mempunyai air berlebihan untuk berkongsi air dengan negeri-negeri yang menghadapi kekurangan air, seperti yang dilaporkan dalam “Malay Mail” dan “Bernama” pada 9.7.2020.

Ini bukan satu pendekatan baharu, kerana skim penyaluran air mentah berskala besar seperti skim Johor-Melaka dan Pahang-Selangor sudahpun beroperasi.

Bagaimanapun, kita mengalu-alukan campur tangan KASA untuk mempercepat SPRWTS.

Pada tahun 2011, Pulau Pinang dan PBAPP mencadangkan SPRWTS sebagai penyelesaian air mentah untuk Pulau Pinang dan Perak sehingga tahun 2050. Sehingga kini, skim ini belum dilaksanakan.

Ketika Pulau Pinang beralih ke Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Nasional (NWSRI) pada tahun 2011, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memikul tanggungjawab bagi skim sumber air mentah untuk Pulau Pinang.

Pulau Pinang bersedia membeli “air mentah” daripada Perak, menerusi SPRWTS. Namun, sehingga 18.2.2020, Perak berkeras untuk menjual “air terawat” kepada Pulau Pinang.

### **Penyelesaian air mentah berbanding air terawat**

Malangnya, niat Perak untuk menjual “air bersih” tidak selaras dengan rasional SPRWTS, seperti yang dicadangkan iaitu penyelesaian “air mentah”.

Semua projek utama penyaluran air antara negeri adalah skim “air mentah” (seperti dalam kes skim-skim Johor-Melaka dan Pahang-Selangor), dan bukan skim “air terawat”, kerana alasan-alasan berikut:

1. Daripada sudut konsep dan operasi, skim penyaluran air mentah, adalah penyelesaian yang mudah dan telah terbukti. Negeri penyalur hanya mengepam air mentah kepada negeri penerima. Negeri penerima membayar untuk air mentah, dan kemudian memikul tanggungjawab untuk merawat air tersebut untuk kegunaannya sendiri.

Seperti yang dicadangkan dalam SPRWTS, Pulau Pinang bersedia membayar Perak untuk air mentah dari Sungai Perak. PBAPP kemudiannya akan membina loji rawatan air baharu untuk merawat air mentah di Pulau Pinang.

2. SPRWTS adalah penyelesaian jangka panjang yang akan memanfaatkan Pulau Pinang dan Perak sehingga 2050. Unjuran hasil SPRWTS adalah 1,000 juta liter sehari (MLD) untuk Pulau Pinang dan 1,000 MLD untuk Perak Utara, menjelang 2050.

Skim penyaluran air mentah membolehkan Pulau Pinang dan Perak secara bebas membangunkan kemudahan rawatan air di negeri masing-masing untuk merawat air mentah dari Sungai Perak, berdasarkan permintaan air tertentu.

Sebagai contoh, PBAPP merancang untuk membangunkan loji rawatan air (LRA) SPRWTS baharu di Pulau Pinang dalam 4 fasa yang berbeza, berdasarkan unjuran permintaan air menjelang tahun 2050. Fasa pertama, untuk merawat 250MLD, akan beroperasi pada



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

tahun 2025, dengan tiga fasa selebihnya (juga masing-masing menyalurkan 250MLD) dijadualkan untuk beroperasi pada tahun 2030, 2040 dan 2050.

Pembangunan LRA secara berfasa dalam tempoh 25 tahun akan “mencairkan kos pembangunan”. Oleh itu, program pembangunan empat fasa LRA SPRWTS PBAPP akan membantu “menyeimbangkan semakan tarif air” di Pulau Pinang dalam tempoh waktu tertentu, hingga tahun 2050.

3. Perak telah membuat cadangan balas untuk Pulau Pinang bersama-sama melabur dalam LRA baharu yang dimiliki dan diuruskan bersama di Perak yang akan secara eksklusif merawat air mentah dari Sungai Perak untuk digunakan di Perak Utara dan Pulau Pinang. LRA yang dicadangkan ini akan menjadi kemudahan besar kerana ia harus merawat air yang mencukupi untuk dua negeri sekaligus.

Perlu dinyatakan bahawa Lembaga Air Perak (LAP) dan PBAPP adalah dua operator bekalan air individu yang melayani dua negeri yang berbeza. Cadangan balas Perak akan memaksa LAP dan PBAPP untuk mengurus bersama satu loji rawatan air di Perak. Ini adalah pendekatan yang belum pernah terjadi sebelum ini di Malaysia. Ini mungkin membawa masalah lain dan tidak perlu, yang timbul dari perbezaan dasar bekalan air, keutamaan dan permintaan air di Perak dan Pulau Pinang.

Oleh itu, PBAPP tidak akan dapat menjalankan kerja-kerja rawatan air dengan cara yang khusus menangani keperluan air di Pulau Pinang, yang berbeza dengan LAP dan keperluan air di Perak Utara.

Sebaliknya, SPRWTS adalah penyelesaian “air mentah” yang akan membolehkan LAP dan PBAPP terus beroperasi secara individu, sesuai status quo, dalam memenuhi keperluan air tertentu di Perak dan Pulau Pinang menjelang 2050.

4. Kerja-kerja kejuruteraan, garis masa pembangunan, hasil yang diunjurkan dan anggaran kos untuk SPRWTS telah dipetakan dengan jelas. Setakat ini, tidak ada perincian yang dinyatakan atau dikemukakan untuk cadangan balas Perak.

5. Dari segi pengurusan risiko, operasi LRA bebas di Perak dan Pulau Pinang untuk merawat air mentah dari Sungai Perak adalah lebih baik daripada hanya menguruskan satu LRA besar untuk merawat air bagi kedua-dua negeri. Ini dapat mengurangkan risiko berlakunya krisis air di kedua-dua negeri sekiranya berlaku sesuatu kecelakaan di LRA yang dicadangkan di Perak itu. Kita perlu mengelak untuk mempertaruhkan segala-galanya di dalam satu tempat.

### **Pulau Pinang perlu sumber air mentah penting kedua menjelang 2025**

SPRWTS adalah penyelesaian bekalan air mentah yang kritikal untuk masa depan Pulau Pinang. “Kajian Pelan Induk Bekalan Air Minum di Pulau Pinang hingga tahun 2050” menjangkakan bahawa Sungai Muda mampu menjadi sumber air mentah utama Pulau Pinang hanya sehingga tahun 2025.

Ini bermakna masa semakin suntuk bagi Pulau Pinang. Menjelang 2025, Pulau Pinang berkemungkinan akan berisiko tinggi menghadapi krisis bekalan air, kecuali jika ia meneroka sumber air mentah penting kedua.

Sehingga tahun 2020, air mentah berlebihan dari Sungai Perak mengalir ke laut. Lebihan air mentah ini boleh dipam dan dijual ke Pulau Pinang dengan harga yang berpatutan. Lebih-lebih lagi, pelaksanaan SPRWTS tepat pada masanya juga akan memberi manfaat kepada Perak dengan cara lain: dengan memastikan keselamatan bekalan air di Perak Utara hingga 2050.

Dalam kes SPRWTS:

- Sumber air mentah (Sungai Perak) telah dikenal pasti dan disahkan sebagai sumber yang kurang digunakan untuk bekalan air.
- Bagi pihak Pulau Pinang, PBAPP telah merangka “pelan tindakan” SPRWTS dan berkongsi mengenainya dengan Perak dan Kerajaan Persekutuan.
- Pada tahun 2019 dan awal tahun 2020, Kerajaan Persekutuan terdahulu telah menerima cadangan kejuruteraan dan kewangan dari syarikat swasta yang berminat untuk menjalankan SPRWTS.



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

Kita hanya meminta KASA memimpin dan mempercepat SPRWTS sebagai penyelesaian air mentah untuk manfaat Perak dan Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my